

Roslinda Binti Abdul Razak

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Friday, March 17, 2017 10:20 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: Anak Syarikat UUM Ambil Alih Hotel Puteri Park, Kuala Lumpur



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



17 MAC 2017 / 18 JAMADILAKHIR 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media

Gambar Oleh: Shamsaimi Ezil

ANAK SYARIKAT UUM AMBIL ALIH HOTEL PUTERI PARK, KUALA LUMPUR



UUM ONLINE: Kuala Lumpur - Dalam Usaha Meningkatkan Pendapatan Melalui Perniagaan Perhotelan, Anak Syarikat UUM iaitu Uniutama Property Sdn Bhd (UPSB) Telah Mengambil Alih Hotel Puteri Park Selepas Menandatangani Perjanjian Pembelian Syer (Share Purchase Agreement) Di UUMKL, Tengah Hari Tadi.

Perjanjian Tersebut Telah Ditandatangani Oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMHSB, Dato' Megat Fairouz Junaidi Megat Junid Dan Naib Canselor UUM Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak Merangkap Lembaga Pengarah UMHSB Serta Pemilik Hotel, Dato' Looh Chai Boon, Pengerah Syarikat Global Residence Sdn Bhd.

Hotel Puteri Park Yang Mula Beroperasi Pada 2006 Mempunyai 247 Bilik Penginapan, Dilengkapi Dengan 1 Unit Grand Ballroom, 8 Buah Dewan Seminar, Satu Bilik Mini Gimnasium, 140 Ruang Letak Kereta, Dua Unit Outlet F&B Dan Dua Unit Dapur Terbuka.

Dengan Pembelian Hotel Tersebut, Pendapatan Anak Syarikat Dijangka Akan Semakin Meningkatkan Berikutan Kecenderungan Jabatan Kerajaan Untuk Menggunakan Fasilitas Dan Juga Mengajukan Seminar-Seminar Di Hotel Milik UUM Seperti Di EDC Hotels & Resorts, Selain Menawarkan Pakej-Pakej Percutian Dan Penginapan Yang Menarik Kepada Lebih Tiga Ribu Staf UUM.

Selain Itu, Bagi Mempromosikan Lagi Hotel Yang Diambil Alih UPSB, Pihak Pengurusan Akan Menggunakan Jaringan Agensi Pelancongan Sedia Ada Milik Hotel Puteri Park Terdahulu Yang Melibatkan Lebih 30 Agensi Pelancongan Sekitar Asia Dan Asia Tenggara Bagi Menarik Dan Memasarkan Bukan Sahaja Hotel Puteri Park Tetapi Produk-Produk Hospitaliti Milik UPSB Kepada Pelanggan-Pelanggan Dan Kumpulan Pelancong Daripada Negara China, Indonesia, Thailand Dan Pelancong-Pelancong Dari Negara Lain.

Majlis Menandatangani Perjanjian Itu Turut Disaksikan Pengerusi LPU, Tan Sri Siti Sa'diah Sheikh Bakir, Ahli-Ahli LPU, Pegawai-Pegawai Kanan UUM, Anak Syarikat UUM Dan Syarikat Global Residence Sdn Bhd.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.